

Headline	350 penduduk dapat manfaat		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)	Language	Malay
Date	03 Oct 2017	Readership	509,000
Circulation	160,000	Page No	42
Section	NEWS	Journalist	N/A
ArticleSize	381 cm ²		
PR Value	RM 8,006		



350 penduduk dapat manfaat

Pemasangan lampu jalan bawah projek LJK8 setakat ini telah ada 85 unit

GUAI - Pemasangan lampu jalan di bawah projek Lampu Jalan Kampung Fasa Lapan (LJK8) di Kampung Guai di sini, telah memberi manfaat kepada lebih 350 penduduk di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Saituddin Ibrahim berkata, pemasangan lampu jalan di kampung ini telah bermula sejak 2013 sehingga kini dan setakat ini telah ada 85 unit lampu dipasang di kawasan-kawasan bersesuaian.

"Bagaimanapun, kampung ini masih memerlukan lampu jalan menerusi projek LJK8. Sekurang-kurangnya tambahan 84 unit lagi lampu perlu dipasang di kampung ini memandangkan masih ada kawasan tertentu yang masih bergelap.

"Penambahan lampu itu kelak bukan sahaja boleh menerangi kawasan kampung, tetapi mencerahkan suasana dan yang paling penting dapat membantu mengurangkan jenayah di sini," katanya ketika di temui selepas Majlis Penyerahan



Ismail Sabri menerima mock Led yang diserahkan oleh Pengurus Besar Kanan (Perkhidmatan Pengguna) Bahagian Pembahagian TNB, Kamaliah Abdul Kadir, pada majlis itu.

Mock LED Program Pemasangan Lampung Jalan Kampung (LJK) Tahun 2017 di Kampung Guai, kelmarin yang disempurnakan oleh Menteri Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Sementara itu, Ketua Cawangan Umno Kampung Guai, Mohd Faizal Mohd Mokhtar berkata, penambahbaikan pemasangan lampu jalan ini juga mampu meningkatkan keselamatan penduduk terutamanya mereka

yang sering keluar pada waktu malam untuk ke masjid atau surau dan melakukan aktiviti riadah.

Katanya, projek ini sangat bagus untuk rakyat dan ia dapat digunakan bersama dan dapat memeriahkan

- Pemasangan lampu jalan dapat bantu kurangkan kegiatan jenayah

- Pemasangan lampu jalan di Kampung Guai telah dilaksanakan sejak 2013

susana pada waktu malam.

"Disini tiada jenayah atau keselamatan besar berlaku, tapi bila dah adalampu ni, kita boleh kurangkan kadar jenayah dan keselamatan akan cecil sedia ada. Lagipun, ada beberapa buah sekolah di sini, yang mungkin boleh memanfaatkan kemudahan ini untuk aktiviti malam, atau untuk meningkatkan tahap keselamatan berdekatan sekolah mereka," katanya.

Menurut Mohd Faizal, dengan cahaya lampu jenis *Light Emitting Diode* (LED) yang lima kali ganda lebih terang dari lampu jalan biasa dipercayai dapat meningkatkan keselamatan di kampung ini.